

**Pendaftar Berjasa**  
(Hela Ladin Mohd Dahalan)  
12 Okt. 2007, New Sabah Times, ms. 7  
**Oleh Jakaria Dasan**

*Bukannya bintang tak akan terbit lagi  
Cuma bintang kian hilang menjelang pagi  
Bukannya pelangi tak akan muncul lagi  
Cuma pelangi semakin lebur dipanah  
mentari  
Bukannya embun tak akan membasah lagi  
Cuma embun berderai pada rumput yang  
meraja di bumi.*

“Seorang penjawat awam yang periang, peramah dan sentiasa murah dengan senyuman tidak akan dapat dilupakan khidmat baktinya dari saat ia memulakan hari persaraannya sehingga bila-bila. Begitulah yang akan kita rasai terhadap saudara Hela Ladin Mohd Dahalan dimana melalui pengalaman saya, yang cukup lama dengan beliau iaitu sejak mula cawangan UKM bertapak di Sabah dan akhirnya menubuhkan Universiti Malaysia Sabah, tidak pernah saya lihat beliau marah mahu pun melenting pada apa sahaja keadaan.”...petikan kata daripada Prof Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor UMS, dalam ucapan penghargaan Universiti kepada En. Hela Ladin Mohd Dahalan yang bersara wajib bermula pada 10 Oktober 2007.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) wajar merasa bangga kerana sejak 13 tahun penubuhannya, ia telah berjaya mewujudkan sebuah “Kota Ilmu” di Kota Kinabalu. Sejak Konvokesyennya yang pertama pada tahun 1999, lebih daripada 15,000 orang graduan telah berjaya dilahirkan. Bermula di sebuah rumah pejabat nombor 9 di Kuala Lumpur kemudiannya berpindah ke Tingkat 9 Bangunan Gaya Centre, Kota Kinabalu dan akhirnya Universiti Malaysia Sabah, universiti yang ke-9 telah direalisasikan penubuhannya. Tahun ini UMS telah pun

menyempurnakan Majlis Konvokesyennya yang ke-9.

Dari jumlah kakitangan seramai tiga orang pada asalnya, kini ia telah pun mempunyai lebih dari 1,000 orang kakitangan. Pada aspek penawaran bidang pengajian pula, kini ia telah pun mampu menawarkan sebanyak 64 program melalui 13 buah sekolah. Jumlah pelajar pada setiap sesinya kian bertambah. Keperluan prasarana pembelajaran kian meningkat dan UMS terus berkembang pesat sejak tempoh 13 tahun ini. Kampus UMS yang ada pada masa ini ialah di Kampus Induk di Kota Kinabalu dan Kampus Antarabangsa Labuan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9, kampus UMS di Sandakan akan direalisasikan pembinaannya.

Seperti Jabatan Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pengawalan sumber manusia, maka Jabatan Pendaftar turut memainkan peranan yang sama di peringkat universiti. Jabatan ini adalah bertanggungjawab sebagai nadi kepada universiti. Jika berlaku ketirisan atau kepincangan dalam pentadbiran ini maka ianya akan menjelaskan pentabiran, pengajaran dan akhirnya pembelajaran mahasiswa mahasiswi universiti. Disebalik perkembangan inilah, En Hela Ladin Mohd Dahalan, telah memainkan peranan yang cukup besar dan sentimental dalam memastikan setiap perjalanan 13 tahun itu berlaku dalam proses yang cukup sistematik dan terancang.

“Samada kita sedar atau pun tidak, beliau adalah orang yang bertanggungjawab dalam mempastikan 15,000 orang graduan mendapat ijazah yang telah mereka gunakan untuk bekerja di pelbagai sektor awam, swasta mahu pun mengasaskan perniagaan atau perusahaan sendiri. Samada kita suka atau pun tidak, beliau adalah orang yang telah menyebabkan seramai lebih 1,000 orang kakitangan UMS berpeluang bekerja di Universiti yang kian tersohor di dalam



negeri dan antarabangsa ini.” Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.

Walaupun orangnya bertubuh kecil, tetapi beliau adalah seorang yang cukup berpengalaman dan terlatih khususnya dalam aspek perhubungan awam iaitu semenjak beliau bertugas di Pejabat Perhubungan Awam (PPA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1983. Ilmu perhubungan awam yang telah dipelajari dan ditimba beliau semasa melaksanakan tugas di PPA, UKM telah banyak membantu beliau dalam memulakan tugas sebagai Pendaftar Universiti Malaysia Sabah. Tanpa ada garis panduan dan rujukan di peringkat negeri khususnya, beliau telah meredah pelbagai gelombang yang menghadirkan cabaran pada karier beliau sebagai Pendaftar di UMS.

Beliau menegaskan bahawa sesungguhnya kejayaan dan kecemerlangan universiti pada pandangan umum tidak bergantung sepenuhnya kepada Pejabat Perhubungan Awam (Bahagian Perhubungan Korporat) semata-mata, tetapi ianya banyak bergantung kepada kefahaman seluruh anggota kakitangan itu dalam memainkan peranan dan memelihara hubungan dengan masyarakat disamping meningkatkan imej korporat. Selain itu aspek hubungan dalaman yang berkaitan dengan usaha-usaha memelihara citra dan meningkatkan atau memajukan citra korporat universiti adalah aspek yang tidak kurang pentingnya dalam memastikan proses pentadbiran berjalan dengan baik sebagaimana yang dirancang.

Dalam beliau menggalas tanggungjawab sebagai Pendaftar, beliau turut memberi penekanan yang berat dalam memelihara “dignity and integrity” kedekanan. Profesional akademik perlu diperkemaskan dan tidak boleh dipandang mudah. Dengan yang demikian ianya akan berupaya

mempastikan kualiti pendidikan sentiasa berada pada tahap yang tinggi dan mulia. Modal insan IPTA yang dilahirkan bukan hanya dinilai melalui ijazah yang diperolehi. Akan tetapi, mereka seharusnya mampu “perform” dengan baik pada bidang kerjaya yang diceburi selepas itu.

Pada masa yang sama sebagai Pendaftar yang bertanggungjawab dalam melaksana segala hukuman ke atas mana-mana pelajar yang terlibat dengan segala jenis salahlaku, maka beliau amat berpegang teguh kepada prinsip bahawa seorang mahasiswa yang telah berada pada kedudukan setinggi ini (menara gading) wajar tahu akan kesan daripada setiap salahlaku yang mereka dengan secara sedar mungkin akan lakukan. Pernah suatu peristiwa dimana beliau berdepan dengan Menteri mempertahankan tindakannya mengenakan hukuman ke atas seorang pelajar yang didapati meniru tandatangan pensyarah. Pelajar itu telah digantung selama setahun akibat daripada salahlaku yang telah dilakukan. Rasional beliau ialah, untuk seorang pelajar (mahasiswa) meniru tandatangan seorang pensyarah, maka ia akan mengambil masa yang agak lama bagi mempastikan agar tandatangan yang ditiru itu tidak ketara sangat bezanya. Justeru, berasaskan kepada usaha dan kegigihan pelajar itu mengambil masa yang lama untuk melakukan salahlaku yang dimaksudkan maka adalah amat wajar jika hukuman digantung selama satu tahun itu dikenakan. Seorang yang didapati mencuri dan kemudiannya memulangkan atau menggantikan benda yang dicuri mungkin hukumannya adalah ringan. Tetapi dalam hal meniru tandatangan, ianya diklasifikasikan sebagai kes salahlaku yang berat.

Dalam tempoh 13 tahun ini juga, beliau turut terlibat sebagai antara arkitek yang mengekalkan keunikan UMS dimana para graduan yang dilahirkan mempunyai identiti

yang berbeza daripada graduan di IPTA yang lain. Seorang pelajar dari Semenanjung atau Sarawak secara langsung akan mempelajari pelbagai adat dan sosiobudaya masyarakat pelbagai etnik di negeri ini. Melalui hubungan rapat sesama pelajar berasal dari Sabah, nilai adat dan budaya ini akan mudah difahami lalu membentuk peribadi para pelajar. Apabila mereka kembali ke kampung halaman masing-masing, mereka bukan hanya membawa segulung ijazah yang menjadi idaman selama ini, malah mereka akan memperkenalkan kepada masyarakat sekeliling mereka mengenai pengalaman sewaktu berada di Sabah.

“Semasa bertugas dengan UKM pada tahun 80an dan ditempatkan di Kampus Limau-Limauan, saya mengenali beberapa orang ahli akademik dan ahli politik dari Sabah. Saya berbangga bahawa mereka ini sekarang telah pun menjadi ahli akademik yang disegani dan ahli politik yang dihormati. Cuma saya terkenang bagaimana cabaran kami bersama-sama mereka pada masa itu. Tidak ada bekalan air paip bersih. Air kolam yang tidak terjamin bersih berhampiranlah yang akan dipam ke tangki dan kemudiannya disalurkan ke rumah. Selepas itu apabila kampus berpindah ke Jalan Kolam (Bukit Padang) cabaran yang sama juga dialami. Kawasan kolam dikongsi bersama dengan jiran yang tinggal bersebelahan (Pesakit Hospital Bukit Padang).”... antara petikan ucapan En Hela Ladin semasa berucap buat kali terakhirnya di Majlis itu mengenai cabaran yang beliau alami ketika mula berkhidmat di Sabah.

Selama 13 tahun berada di Sabah, kesemua anak-anaknya dilahirkan di Sabah. Dan hanya sekali sahaja mereka balik beraya di kampung (Negeri Perak). Beliau merasakan telah wujud hubungan yang lebih intim dan mesra antara keluarga beliau dengan Negeri Sabah. Sebagai seorang penjawat awam

yang bermula dengan perhubungan awam, beliau berazam untuk mengisi persaraan beliau menerusi aktiviti berkaitan dengan perhubungan awam.

Memetik petikan ucapan Yang Berbahagia Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin “... Bukan hanya Universiti Malaysia Sabah terutang budi dengan saudara Hela Ladin, malah masyarakat negeri ini khususnya, menumpang tuah beliau yang telah dengan gigih berusaha memastikan anak-anak di negeri ini mampu menjadi graduan di halaman sendiri. **Ini semuanya hasil daripada usaha En Hela Ladin Mohd Dahalan, seorang Pendaftar yang berjasa.**

*Bintang yang menerangi malam  
Menjadi suluh musafir di jalanan  
Pelangi yang menyapa awan  
Menjadi hiasan dunia yang menawan  
Embun yang menyegarkan alam  
Menjadi bayangan siang yang nyaman*